SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2019 Sejarah Semester 1 Kelantan (Set 1 dan Set 2)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

940/1 *STPM 2019*

SEJARAH

SEJARAH DUNIA (1500-1955)

KERTAS 1

(Dua jam)

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

(KELANTAN EDUCATION DEPARTMENT)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab **empat** soalan sahaja.*

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

Kertas Soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.

@Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 2019

SULIT*

Jawab **empat** *soalan sahaja.*

1. *Bincangkan ciri-ciri masyarakat Feudal di Jepun pada abad ke 16 dan 17 M.*

   [20m]

2. *Huraikan faktor-faktor yang meletakkan asas kepada pembentukan Persekutuan Amerika Syarikat pada abad ke 18.*

   [20m]

3. *Sejauhmanakah gerakan Rennaisance mempengaruhi perkembangan zaman pencerahan di Eropah pada abad ke 18M.*

   [20m]

4. *Bincangkan perkembangan dalam bidang pertanian di England pada abad ke 17 dan 18M.*

   [20m]

5. *Jelaskan kesan-kesan pemberontakan Boxer di China pada tahun 1899.*

   [20m]

6. *Bincangkan kesan Perang Dunia kedua dari aspek politik, ekonomi dan sosial terhadap Negara Jepun.*

   [20m]

Soalan 1

Bincangkan ciri-ciri masyarakat feudal di Jepun pada abad ke-16 m dan 17 m.

[20m]

A. PENGENALAN

1. *Masyarakat feudal merujuk kepada masyarakat berhierarki yang mempunyai susunlapis tersendiri. Penguasaan terhadap tanah akan menentukan kedudukan kuasa dan status sesuatu golongan dalam masyarakat.*
2. *Zaman Tokugawa, maharaja dianggap sebagai ketua Negara (paling tinggi) tetapi tiada kuasa pemerintahan.Terdapat beberapa aspek yang mencirikan masyarakat feudal pada zaman ini di Jepun.*

B. ISI

1. Kedudukan Maharaja

i. *Pada zaman keshogunan Tokugawa, maharaja tidak mempunyai kuasa dalam pemerintahan dan*
pentadbiran.
ii. *Walaupun maharaja adalah ketua Negara tetapi kuasa sebenar terletak di tangan shogun.*
iii. *Tokugawa Ieyasu telah mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kedudukan dan pengaruhnya.*
iv. *Beliau memperkenalkan undang-undang dan peraturan bagi mengurangkan pengaruh maharaja dan putera raja.*
v. *Maharaja tinggal terpencil di Kyoto. Manakala pusat pentadbiran terletak di Edo.*

2. Kedudukan Shogun

i. *Pada zaman Shogun Tokugawa, kuasa pemerintahan terletak pada shogun.*
ii. *Tokugawa Ieyasu mengukuhkan kedudukan dengan menubuhkan pasukan tentera yang kuat.*

iii.Tokugaa Ieyasu menyerahkan pentadbiran wilayah kepada vassal yang setia kepadanya.

iv. Beliau meningkatkan kekayaan dengan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi komersial
dan perlombongan.

v. Beliau mengawal golongan daimyo yang menguasai daerah.

3. Kedudukan Samurai

i. Golongan samurai mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat feudal di Jepun.

ii. Mereka terdiri daripada panglima perang yang bertanggungjawab memelihara keamanan
negara.

iii. Golongan samurai berkhidmat kepada golongan bangsawan dan mereka tidak dibenarkan
melakukan kerja lain

iv. Mereka digunakan oleh golongan bangsawan untuk mempertahankan hak dan
keselamatan mereka.

v. Mereka tidak dibenarkan memiliki tanah, dan bergantung kepada bekalan beras yang
diberikan oleh daimyo.

vi. Golongan samurai mempunyai minat dalam bidang kesenian dan kesarjanaan. Pemilikan
ilmu dianggap perkara mulia di kalangan pahlawan di Jepun.

4. Pemilikan Tanah

i. Pada zaman keshogunan Tokugawa, wilayah diserahkan kepada vassal yang setia kepada
shogun.

ii. Shogun memberikan tanah kepada tuan tanah (daimyo) yang setia kepadanya. Tuan tanah yang
setia akan mengawasi gerak-geri daimyo yang diragui kesetiaannya.

iii. Tokugawa Ieyasu megambil langkah untuk merampas tanah daripada daimyo yang menentang
pemerintahannya.

iv. Tanah yang dirampas diserahkan kepada tentera dan tuan tanah yang setia

kepadanya.

v. Shogun melantik gundai dan daikin untuk mentadbir dan menguruskan tanah miliknya.

5. Kewajipan peribadi

i. Wujud hubungan peribadi antara shogun dan daimyo (tuan tanah). Shogun menyerahkan tanah kepada golongan daimyo yang setia kepadanya.

ii. Sebagai balasan, daimyo akan membantu shogun dalam pentadbiran dan ketenteraan.

iii. Dalam hal ini, kedua-dua pihak saling bertanggungjawab terhadap kepentingan bersama.

6. Mobiliti Sosial

i. Masyarakat feudal Jepun pada abad ke-16 dan 17 M terdiri daripada beberapa lapisan yang mempunyai kedudukan ekonomi, sosial dan politik yang berlainan.

ii. Kedudukan dan status masyarakat ditentukan berdasarkan keturunan dan sistem kelas.

iii. Dalam hal ini, perubahan status dan mobiliti sosial dalam masyarakat feudal di Jepun jarang berlaku

C. KESIMPULAN

i. Pada zaman Syogun Tokugawa, sistem feudal di Jepun kukuh dan mantap.

ii. Masyarakat feudal Jepun masih berpegang teguh dengan ciri-ciri yang terdapat dalam sistem ini.

Catatan: Calon seharusnya dapat menghuraikan ciri-ciri masyarakat feudal di Jepun pada
abad ke 16 dan 17 masihi.

Soalan 2

Huraikan faktor-faktor yang meletakkan asas kepada pembentukan Persekutuan Amerika

Syarikat pada abad ke 18. ***[20m]***

A) PENGENALAN

1. Selepas Perang Kemerdekaan Amerika berakhir, Perjanjian Versailles telah ditandatangani menyebabkan England terpaksa menyerahkan 13 buah koloni dan mengisytiharkan kemerdekaan Amerika.

SULIT*

Jawab **empat** *soalan sahaja.*

1. *Bincangkan faktor-faktor kemunculan masyarakat maritim di Jepun pada abad ke 16 dan 17 M.*
   [20m]

2. *Bincangkan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Raja Louis XlV (1643 – 1715) untuk mengukuhkan sistem pemerintahan beraja mutlak di Perancis.*

   [20m]

3. *Huraikan idea yang dikemukakan oleh Charles Louis Montesque dalam bukunya 'The Spirit of Law' pada abad ke 18.*

   [20m]

4. *Huraikan kemajuan sistem pendidikan di Jerman pada abad ke 19.*
   [20m]

5. *Bincangkan faktor-faktor kebangkitan gerakan nasionalisme di India pada abad ke 20.*

   [20m]

6. *Bincangkan penglibatan united kingdom dari aspek politik dan ekonomi dalam komanwel.*
   [20m]

Soalan 1

Bincangkan faktor - faktor kemunculan masyarakat maritim di Jepun pada abad 16 dan 17 M. ***[20m]***

A. PENGENALAN

1. *Masyarakat maritim ialah masyarakat yang bergantung kepada aktiviti berasaskan laut seperti perdagangan, perikanan, pengumpulan hasil laut, perkapalan, penerokaan dan penjelajahan.*

2. *Masyarakat maritim terdiri daripada golongan pedagang, nelayan, nakhoda, anak kapal dan peneroka.*

3. *Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemunculan masyarakat maritim di Jepun pada abad ke -16 dan 17M.*

B. ISI

1. Kedudukan geografi

i. *Jepun terdiri dari beberapa buah pulau seperti Kyushu, Shikoku, Hokaido dan Honshu.*

ii. *Petempatan didirikan di kawasan pesisiran pantai kerana bentuk muka buminya bergunung-ganang.*

iii. *Lokasi petempatan yang berhampiran laut menyebabkan penduduknya terlibat dengan ekonomi berkaitan kelautan*

2. Perdagangan

B. ISI

1. Dasar dalam Negara

i.Menyusun semula pentadbiran negara. Di peringkat pusat, diperkenalkan empat majlis utama iaitu Majlis Negara, Majlis Despatches, Majlis Kewangan dan Majlis Privy

ii.Peranan empat majlis utama adalah seperti di bawah

1..Majlis Negara - menguruskan hal ehwal luar negara

2.. Majlis Despatches – menguruskan semua hal ehwal tempatan kecuali kewangan

3. Majlis Kewangan- Percukaian, tarif, perbelanjaan dan pendapatan Negara

4. Majlis Privy – menguruskan pentadbiran keadilan

iii. Melantik menteri-menteri yang berkebolehan untuk menjalankan pentadbiran seperti Colbert (Menteri Kewangan), Louvois (Menteri Peperangan),dan Vauban (Menteri Ketenteraan)

iv. Di peringkat Provinci pula, baginda telah mendapatkan khidmat daripada pegawai-pegawai yang berkebolehan bagi melaksanakan dasar-dasar diraja

v. Melalui dasar-dasar Colbert, Perancis menjadi Negara Industri dan kuasa ketenteraan yang kuat di Eropah.

vi. Zaman Louis XlV dianggap zaman keemasan bagi kesusasteraan Perancis dengan lahirnya tokoh-tokoh seni tersohor seperti Racine dan Moliere.

2. Dasar Ketenteraan

i. Menghapuskan dominasi golongan bangsawan dalam bidang ketenteraan dan meletakkan angkatan tentera di bawah kawalan baginda.

ii. Melantik pegawai-pegawai berasaskan merit.

iii. Bagi menarik kesetiaan golongan tentera, baginda bertindak merekrut anggota tentera dan menyediakan kemudahan seperti perumahan dan bkalan makanan

iv. Kesanya Perancis muncul pasukan tentera teruat di Eropah pada masa itu.

3. Dasar Luar Negara

i. Raja Louis XlV telah melancarkan dasar perluasan kuasa dan berjaya meluasakan kuasa

Perancis sehingga ke sempadan Sg Rhine

ii. Baginda menguasai wilayah-wilayah yang diperintah oleh Putera-putera

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar